

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2020)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHAN FOONG HIN [KOTA KINABALU]

TARIKH : 9 DISEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

TUAN CHAN FOONG HIN [KOTA KINABALU minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan status terkini projek tebatan banjir berjumlah RM3 bilion untuk Kota Kinabalu, Penampang, Putatan dan Sepanggar sejak RMK-7 lagi, namun hanya RM512 juta diluluskan sehingga RMK-11. Apakah tindakan jangka pendek untuk mengurangkan banjir kilat di Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Dalam RMKe-10, Kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM56.6 juta bagi pelaksanaan lima (5) projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di Negeri Sabah. Kesemua projek RTB tersebut telah siap sepenuhnya dan kini dalam proses Perakuan Akuan Muktamad. Kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM746 juta dalam RMKe-11 bagi pelaksanaan projek-projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di Negeri Sabah yang dilaksanakan oleh JPS sebagai agensi pelaksana. Sebanyak 8 projek di dalam peringkat pelaksanaan di tapak manakala 7 projek di dalam peringkat awalan projek merangkumi kawasan Kota Kinabalu, Penampang, Putatan dan Sepanggar.

2. Selain itu, Kementerian melalui JPS juga telah memohon peruntukan bagi Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di Negeri Sabah

dalam RMKe-12. Projek-projek tebatan banjir yang dirancang ini akan mampu mengurangkan isu banjir yang diakibatkan oleh limpahan sungai-sungai utama di kawasan-kawasan yang berkenaan.

3. Bagi tindakan jangka masa panjang, Kementerian melalui JPS akan mempertimbangkan pelaksanaan Kajian Pelan Induk Saliran Mesra Alam sebagai rujukan dalam merancang infrastruktur saliran di kawasan tersebut dan penglibatan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) juga adalah amat penting terutamanya di dalam mengatasi masalah banjir kilat di Negeri Sabah.

Sekian. Terima kasih.